

24 FEB 2003

NAM: M'SIA BOLEH PANDU NAM KE ARAH MASA DEPAN BEBAS PERANG

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Kumpulan Asia Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) melahirkan keyakinan bahawa Malaysia mampu memandu pergerakan itu ke arah masa depan yang bebas daripada perang, pertelagahan, kemiskinan dan penyakit.

Berucap sebagai wakil kumpulan itu pada perasmian Sidang Kemuncak Ke-13 NAM di sini hari ini, ketua delegasi Kuwait Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah berkata perkara itu hanya dapat dicapai melalui pendekatan pembaharuan dan penyuburan semula pergerakan itu.

Dalam hubungan itu, beliau berkata anggota-anggota NAM perlu memperbaharui azam mereka untuk mengambil iktibar daripada pengajaran dan pengalaman lepas demi kebaikan rakyat mereka.

"Kami yakin dengan keupayaan Malaysia dalam melaksanakan tugas itu," kata wakil khas kepada Emir Kuwait itu.

Menyatakan bahawa kumpulan itu akan memberikan sokongan penuh kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi baru pergerakan itu, beliau berkata perkara paling penting untuk mencapai objektif yang ditetapkan NAM ialah semangat perpaduan di kalangan anggotanya.

-- BERNAMA
AZH MAM RHM